



4.1.1 Seni Bahasa-Cerpen Hadiah TIE CAMAR

SINOPSIS

Mengisahkan sekumpulan murid yang sedang bercakap-cakap mengenai hadiah yang akan diberikan kepada guru kesayangan mereka sewaktu sambutan Hari Guru yang akan tiba tidak lama lagi. Setiap murid masing-masing menceritakan mengenai kehebatan hadiah yang akan diberikan.

Azizah seorang pelajar yang miskin tidak mampu untuk membelikan hadiah kepada guru kesayangannya, Cikgu Zaleha. Azizah berasa risau dan sedih kerana dia tidak mampu untuk membeli hadiah untuk gurunya.

Azizah cuba meminta duit daripada emaknya namun hampa kerana emaknya menyatakan bahawa dia tidak mempunyai duit untuk diberikan kepada Azizah. Sekali lagi Azizah cuba meminta duit tetapi kali ini dia cuba meminta duit daripada bapanya pula. Namun, Azizah sekali lagi terpaksa menerima hakikat bahawa keluarganya tidak mampu untuk memberikan duit kepadanya.

Akhirnya, Azizah berasa lega kerana emaknya telah mencadangkan agar Azizah membuat tudung saji untuk dijadikan sebagai hadiah kepada Cikgu Zaleha. Setelah mempelajari cara menganyam daripada emaknya, Azizah berusaha untuk menyiapkan tudung saji yang cantik untuk diberikan kepada Cikgu Zaleha. Apabila Hari Guru tiba, Azizah terlalu gembira untuk menyerahkan hadiah kepada cikgu kesayangannya. Setelah menyerahkan hadiah kepada Cikgu Zaleha, Azizah dikejutkan dengan tawaran oleh Cikgu Zaleha kepadanya mengenai satu pertandingan.

Setelah menerima tawaran tersebut, Azizah telah berusaha sedaya upayanya untuk menghasilkan pelbagai rekaan yang berkualiti dan menarik. Azizah telah berjaya memenangi Pertandingan Kraftangan Peringkat Daerah dan seterusnya ke peringkat negeri. Sehingga dia akhirnya telah berjaya menambat hati juri dan hakim di peringkat kebangsaan. Hakikatnya usaha gigih dan kerajinan yang ditunjukkan Azizah adalah satu kejayaan terbesar Cikgu Azizah.

Seret jawapan untuk soalan pemahaman dibawah.

☐ Azizah telah belajar menganyam tudung saji daripada ibunya untuk dihadihkan kepada Cikgu Zaleha.

☐ Azizah merupakan seorang murid sederhana yang ingin memberi hadiah kepada gurunya.

☐ Pada pendapat saya, cara terbaik untuk menghargai guru yang mendidik kita adalah dengan belajar bersungguh-sungguh, mendengar arahan serta menghormati guru.

☐ Azizah telah berusaha menghasilkan pelbagai rekaan yang berkualiti dan menarik.

1 Siapakah Azizah?

2 Bagaimanakah Azizah mengatasi cabaran dalam memberi hadiah kepada Cikgu Zaleha?

3 Apakah persediaan Azizah untuk memastikan dia dapat memenangi Pertandingan Kraftangan tersebut?

4 Pada pendapat kamu, apakah cara terbaik untuk menghargai jasa guru?
